

05 JUL 1999

Mahathir-EAEC

DR M: JEPUN HARUS FIKIR SEMULA TENTANG EAEC

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Jepun seharusnya memikirkan semula tentang Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan tidak harus dibiarkan beranggapan yang gagasan itu adalah satu ancaman kepada negara-negara di luar rantau ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Eropah mempunyai Kesatuan Eropah dan Amerika Utara mempunyai NAFTA (Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara). Kita menerimanya. Mengapa pula mereka tidak boleh menerima EAEC?" tanya beliau.

Menerusi EAEC, negara-negara boleh menyelesaikan dan membincangkan masalah-masalah bersama yang dihadapi rantau ini, katanya dalam temubual dengan akhbar "The Mainichi."

Dalam laporan yang disiarkan hari ini, Dr Mahathir membincangkan dengan panjang lebar mengenai kekuatan ekonomi Jepun, bagaimana Malaysia mencontohi konsep Japan Inc dan bagaimana negara-negara di rantau ini memerlukan bantuannya (Jepun).

Dr Mahathir berkata Asia Timur memerlukan sumber kekuatan ekonomi dan kewangan Jepun.

Beliau berpendapat kemakmuran Asia akan membantu memulihkan Jepun dan dalam membantu Asia, Jepun akan juga membantu dirinya sendiri.

Negara-negara di rantau ini telah menyambut baik cadangan Jepun pada 1997 berhubung Tabung Kewangan Asia sebanyak AS\$100 bilion, yang digugurkan disebabkan bantahan Amerika Syarikat, katanya.

Bagaimanapun, Pelan Miyazawa dengan peruntukan AS\$30 bilion amat membantu untuk pemulihan Asia, tegasnya.

"Sebuah akhbar telah melaporkan bahawa terdapat beberapa bantahan terhadap dana yang disediakan untuk Malaysia. Mujurlah kerajaan Jepun berpendirian tegas dan menyediakan pinjaman kepada Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berharap Jepun akan sentiasa berada di sisi rakan-rakannya di saat-saat yang diperlukan, tanpa mempedulikan tekanan daripada pihak-pihak lain.

Pemulihan ekonomi Asia ada kaitan rapat dengan pemulihan ekonomi Jepun, katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, nampaknya Jepun mahu memutuskan kerjasama sektor kerajaan/swasta, suatu hubungan yang dikenali sebagai "Japan Incorporated" atau Perbadanan Jepun oleh Barat dan menggantikannya serta merta dengan apa yang dipanggil konsep Barat pemisahan antara kerajaan dan sektor swasta.

Dr Mahathir berkata kerjasama rapat antara kerajaan/sektor swasta itulah yang membantu Jepun pulih daripada bencana Perang Pasifik dan terus menjadi kuasa ekonomi kedua dunia.

Memang diakui, terdapat penyalahgunaan sistem itu, tetapi Japan Incorporated berjalan lancar. Menghapuskannya serta merta akan menyebabkan kegawatan ekonomi kerana orang ramai, dari pihak kerajaan dan sektor swasta, mendapati diri mereka menerima pakai cara yang asing sama sekali dalam menjalankan kerja.

Adalah diakui penyalahgunaan mesti dihapuskan tetapi ini mesti dilakukan secara beransur-ansur agar memberi masa untuk tempoh penyesuaian.

Dr Mahathir berkata perlu juga diingatkan bahawa kerajaan mempunyai "bahagian" dalam semua perniagaan di negara terbabit.

"Apabila syarikat-syarikat meraih keuntungan, kerajaan berhak mendapat beberapa peratusan keuntungan dalam bentuk cukai korporat," tegasnya.

"Kegagalan syarikat adalah kegalan negara kerana apabila sesebuah syarikat gagal, kerajaan tiada sumber kewangan, kakitangan merana dan begitu juga para pengguna.

Maka syarikat-syarikat tidak boleh dibiarkan mengalami kegagalan, lebih-lebih lagi bukan salah mereka, seperti dalam keadaan kemelesetan ekonomi."

Malaysia mengamalkan konsep Perbadanan Jepun kerana percaya bahawa dalam membantu perniagaan mencapai kejayaan, ia akan membantu kerajaan meningkatkan sumber pendapatan.

Dr Mahathir berkata, beliau memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur setelah memerhatikan Jepun, keperibadian orang Jepun, etika kerja serta kaedah pengurusanannya.

Dasar itu bukan bermaksud mengetepikan Barat dan memberi semua kontrak kepada Jepun, jelasnya sambil menambah bahawa ia adalah mengenai mempelajari etika kerja orang Jepun dan amalan perniagaannya dan rakyat jelata mesti memiliki kemahiran ini untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru.

-- BERNAMA

SHO MA PR